



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# **BERITA**

24 JAM

# **KPDN**

## **KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE**

*Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 4 Mac 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Mobile app to track subsidised cooking oil sales

**KUALA LUMPUR:** In a bid to reduce leakages, the Domestic Trade and Cost of Living Minister (KPDN) is now looking to expand the Cooking Oil Price Stabilisation Scheme System (eCoss) to include a mobile application.

Its Minister Datuk Armizan Mohd Ali said the existing system is only able to track the process right from the production to the retail stage.

"However, there is no record of who the retailers are selling the subsidised cooking oil to. This is how leakages happen including smuggling," he said, adding that the authorities are unable to trace the buyers with the existing system.

"We will bring this to the Cabinet. We don't need a new system. We just have to expand eCoss by introducing a mobile app so that we can capture the data."

He said with the data on the application, the ministry will be able to immediately act on the sale of subsidised cooking oil to foreigners.

Armizan also said he will gather the views of the parliamentary special select committee on the matter before highlighting it to the Cabinet.

"We must ensure that it does not burden the people and users," he said, adding that the cooking oil programme, which costs close to RM2bil a year, comes with huge



**Not enough data:** Armizan (inset) said the existing system can only track the sale of cooking oil from the production to the retail stage, and not who it is sold to.

financial implications.

He assured the people that the ministry is committed to carrying out aggressive enforcement.

Armizan said although there

have been proposals by lawmakers to replace the Cooking Oil Stabilisation Scheme (COSS) with cash aids, the government's priority currently lies in diesel

and petrol subsidies rationalisation.

He said at this juncture the COSS programme must continue with improvements.



▲内贸部长拿督阿米占在雪兰莪州一家超市，查看商品供应。

## 内贸部即日起展开监督行动 督促商贩斋戒月开斋节守规

（布城 2 日讯）国内贸易及生活成本部即日起展开 2025 年监督行动（Ops Pantau）直至开斋节，以确保商家遵守法律规定。

内贸部长拿督阿米占说，这次行动在全国统一推行，聚焦斋戒月市集、开斋节市集、公共巴刹、湿巴刹、霸市和杂货店。

他今日发文告说：“2025 年监督行动的检查重点是监控几个问题，包括与商品供应和价格、便宜促销、使用称重设备、售卖赝品或盗版商品、清真认证字眼和开斋节必需品销售有关的事项。”

阿米占说，内贸部将在消费者集中的地区增添执法人员，包括出动 STAR（消费者投诉与解决行动队）客货车、巡逻车和摩托车巡逻队。

此外，内贸部还将优化执法指挥中心的运作，从每天早上 8 时至晚上 8 时，以确保对任何投诉、资讯和消费者查询立即采取跟进行动。

内贸部提醒所有商贩恪守所有相关法律法规，并致力于遵守商业道德和法律准则（Biz-BERKAT）运动。

较早前，阿米占到斯里肯邦安巨人霸市（Giant）巡视，以及吉隆坡柏迈组屋（Pangsapuri Permai）和加影的 Lotus's 霸市，视察昌明慈悯促销活动（PJRM）的推行情况，旨在视察目前市场多项商品供应问题，并实地观察 PJRM 在基层的运作情况。

“我已指示内贸部执法组在斋戒月和即临的开斋节期间对全国的零售场所进行更频繁和目标式的监控。”



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**

## Pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 sama seperti diesel

**Kuala Lumpur:** Pelaksanaan penyasaran subsidi RON95 kelak akan membabitkan penetapan harga pam yang mengambil kira harga pasaran iaitu sama seperti pelaksanaan ke atas diesel.

Bagaimanapun, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, berkata penerima subsidi RON95 yang meliputi 85 peratus pengguna warganegara akan terus menikmati bahan api bersubsidi itu.

Beliau berkata, bagi meredakan kebimbangan rakyat, kerajaan akan memastikan kaedah

pelaksana penyasaran subsidi RON95 yang menyeluruh dan berkesan seperti tindakan yang diambil kepada diesel.

"Ini termasuklah memastikan kumpulan rakyat yang layak akan terus mendapat insentif atau bantuan sewajarnya disamping menggunakan mekanisme yang mudah dan holistik untuk penyebaran maklumat atau penerangan penyasaran subsidi yang berkesan.

"Selain itu, mengelakkan berlakunya cubaan pencatutan dan kenaikan mendadak harga da-

lam kalangan penguasa (stesen minyak) yang tidak bertanggungjawab," katanya pada sesi penggulungan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 di Dewan Rakyat, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penggunaan MyKad sebagai rujukan utama dalam penyasaran subsidi RON95 dibuat selepas melihat kebolehlaksanaan teknologinya yang terbukti berkesan menerusi pelaksanaan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) iaitu bantuan bagi pembe-

lian barangan keperluan asas terpilih yang diperkenal sejak 2024. Amir Hamzah berkata, tahap penggunaan (MyKad untuk SARA) di Kelantan dan Perlis mencecah 99 peratus.

"Bermula 15 Januari 2025, kerajaan sudah menyalur SARA menerusi MyKad secara bulanan kepada 700,000 penerima miskin dan miskin tegar.

"Pada Januari 2025, penyaluran SARA menerusi MyKad diperluaskan juga ke Sabah dan Sarawak berbanding hanya negeri semenanjung pada 2024.

"Pada April tahun ini, SARA akan diperluaskan kepada 5.4 juta penerima termasuk isi rumah B40," katanya.

Kementerian Kewangan minggu lalu memaklumkan kerajaan akan menggunakan MyKad sebagai rujukan utama bagi menentukan status kewarganegaraan, sementara kriteria lain seperti pemilikan kenderaan sama ada yang bermotorsikal atau berkereta termasuk dalam penelitian pihak kerajaan.

# Syor hospital swasta tak disenarai di bursa

**Ahli** Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin mencadangkan Malaysia mencontohi Korea Selatan yang menetapkan hospital di negara itu tidak boleh disenarai di bursa saham.

Beliau berkata langkah itu penting kerana hospital swasta di negara ini dilihat beroperasi dengan lebih kepada berorientasikan untung, sekali gus menjadi punca mereka mengenakan caj tinggi untuk perkhidmatan kepada pesakit.

"Kenapa caj hospital begitu mahal... puncanya kerana hospital swasta ini (beroperasi) untuk untung dan disenarai dalam Bursa Malaysia menyebabkan setiap tiga bulan mereka kena laporkan keuntungan.

"Itu sebabnya mereka perlu mendapatkan keuntungan tinggi, naik harga itu dan harga ini. Kita harus faham ini situasi tidak sihat, hospital sepatutnya menyelamatkan nyawa dan bukannya dijadikan alat perdagangan," katanya.

Membahaskan Rang Un-

dang-Undang Perbekalan Tambahan (2024) 2025 di Dewan Rakyat semalam, beliau memberi contoh Korea Selatan yang boleh diconotohi Malaysia.

"Baru-baru ini duta Korea ada beritahu saya bahawa hospital di negara itu tidak boleh disenarai di bursa Korea kerana (operasi) mereka adalah untuk menyelamatkan nyawa dan bukan demi untung.

"Jadi saya menggesa Menteri Kewangan dan Bank Negara Malaysia untuk lihat isu ini kerana kita nak jaga rakyat dan bukannya nak jaga kapitalis," katanya.

Menyentuh harga tinggi caj rawatan tidak terkawal dikenakan hospital swasta, Ahli Parlimen Pakatan Harapan (PH) itu, berkata hanya 30 peratus daripada bil hospital dikawal di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

Selebihnya atau 70 peratus lagi, kata beliau, tidak dikawal langsung yang membabitkan bekalan

dan perkhidmatan disediakan hospital.

## Caj tidak munasabah

Memberi contoh pelitup muka dan sarung tangan getah untuk surgikal, beliau berkata, caj dikenakan hospital swasta amat tidak munasabah jika dibandingkan harga produk itu di pasaran.

"Pelitup muka sekarang satu kotak RM5 ada 50 keping, tetapi hospital swasta caj RM2 setiap satu (keping), menyaksikan peningkatan sehingga 2,000 peratus.

"Sarung tangan surgikal pula satu kotak ada 100 unit hanya dijual RM10, tetapi di hospital, caj satu pasang RM20 sedangkan Malaysia pengeluar sarung tangan getah terbesar dunia.

"Ini bagi saya *excessive profiteering* (ambil untung secara berlebihan),"katanya.

Beliau memberi contoh pesakit warga emas yang menjalani pembedahan di hospital dan ditahan dua hari di wad, dikenakan caj

sehingga RM39,000.

"Hospital konsultan (pakar) ada kawalan hanya RM7,800 (caj dikenakan) tetapi yang tak dikawal seperti bekalan hospital RM32,000. Ini semua tak ada kawalan, jadi kita kasihan kepada pesakit.

"Dia sendiri tak mahu (minta) untuk masuk hospital dan tak ada yang nak sakit, tetapi akhirnya menjadi mangsa, katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa satu langkah kawalan diambil pihak berkuasa terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk menggunakan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) bagi mengatasi isu caj tinggi dan tidak dikawal dikenakan hospital swasta.

"Menteri KPDN perlu guna Akta 723. Kita bukan nak *strangle* (mencekik), tetapi nak *regulate* (kawal selia). Kalau caj RM1 atau 50 sen OK lah, tetapi takkanlah sampai RM20 (sepasang sarung tangan getah)," katanya.

## Harga makanan bazar Ramadan naik hingga 20 peratus

**KUALA TERENGGANU:** Peniaga makanan di kebanyakan bazar Ramadan di sini, menaikkan harga jualan antara 10 hingga 20 peratus berikutan kenaikan kos bahan mentah termasuk santan.

Peniaga terpaksa menaikkan harga makanan selepas harga santan di negeri ini naik berganda daripada RM9 sekilogram kepada RM19 sekilogram sejak Oktober tahun lalu.

Seorang peniaga, Aida Said, 37, yang berniaga di Bazar Ramadan Shah Bandar berkata, dia terpaksa menaikkan harga lemak kira-kira RM1 hingga RM2 sebatang berbanding tahun lalu.

Katanya, pada Ramadan kali ini, dia menjual sebatang le-

manan pada harga RM13 hingga RM15 mengikut saiz buluh.

"Kenaikan harga lemak itu juga bukan disebabkan harga santan yang mahal malah harga buluh melambung tinggi," katanya ketika ditemui di Bazar Ramadan Shah Bandar di sini, semalam.

Sementara itu, peniaga lauk-pauk, Robiah Hassan, 47, berkata, dia terpaksa menaikkan harga antara 10 peratus hingga 20 peratus untuk menampung kos barang mentah.

Katanya, dia tidak dapat mengelak daripada menaikkan harga lauk-pauk untuk mengelakkan kerugian, namun kebanyakan pengguna memahami

punca kenaikan tersebut.

"Terdapat pelanggan terutama dalam kalangan B40 mengeluh apabila harga lauk-pauk lebih tinggi berbanding tahun lalu," ujarnya.

Seorang pelanggan, Abdul Rahman Salleh, 35, berkata, dia membeli juadah secara berhemah memandangkan harganya semakin mahal untuk mengelakkan pembaziran.

"Saya telah menjangkakan berlaku kenaikan harga makanan di bazar Ramadan tahun ini berikutan kenaikan harga barang mentah," katanya.

Sebanyak 57 lokasi bazar Ramadan dibuka di Terengganu membabitkan 4,456 peniaga.



SEBAHAGIAN peniaga yang menjual lauk-pauk di Bazar Ramadan Kuala Berang, Hulu Terengganu, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI



PENIAGA bazar Ramadan di Terengganu terpaksa menaikkan harga jualan makanan mereka. - PUOTRA HARRY

# Harga makanan naik 20 peratus

- **Berpunca kenaikan kos bahan mentah seperti santan**
- **Pengguna terpaksa belanja berhemah**

Oleh Zaid Mohd. Noor

**KUALA TERENGGANU** – Kebanyakan peniaga bazar Ramadan di negeri ini menaikkan harga makanan sehingga 20 peratus dengan alasan kenaikan kos bahan mentah terutamanya melibatkan menu yang menggunakan santan kelapa.

Tinjauan Kosmo! kelmarin mendapati, rata-rata peniaga mendakwa tidak mampu lagi menanggung kos santan kelapa yang naik sehingga RM19 sekilogram berbanding RM9 bagi kuantiti

sama pada Oktober tahun lalu.

Seorang peniaga, Aida Said, 37, mendakwa, dia terpaksa menaikkan harga sebatang lemang antara RM1 hingga RM2 berbanding tahun lalu.

Dia menjual sebatang lemang pada harga RM13 hingga RM15 mengikut saiz.

"Kenaikan harga lemang itu juga bukan disebabkan kenaikan harga santan sahaja, malah buluh yang turut melambung tinggi," katanya ketika ditemui di Bazar Ramadan Shah Bandar, di sini kelmarin.

Tahun ini, Terengganu mempunyai 57 tapak bazar Ramadan melibatkan 4,456 peniaga di seluruh negeri ini.

Sementara itu, seorang peniaga lauk-pauk, Roblah Hassan, 47, pula mendakwa, dia terpaksa menaikkan harga antara 10 hing-

ga 20 peratus untuk menampung kos barang mentah termasuk santan tersebut.

Menurutnya, dia tidak dapat mengelak daripada menaikkan harga lauk-pauk bagi mengelakkan kerugian.

"Kebanyakan pelanggan memahami punca kenaikan tersebut, namun saya akui ada sege-lintir yang mengeluh," katanya.

Seorang pengguna, Abdul Rahman Salleh, 35, berkata, dia terpaksa membuat pembelian berhemah untuk mengelakkan pembaziran.

"Saya memang sudah jangka berlaku kenaikan harga makanan di bazar Ramadan."

"Jadi saya sekeluarga akan kurangkan kunjungan ke bazar Ramadan berbanding hampir setiap hari pada tahun-tahun sebelum ini," tambahnya.

# Johor batal lesen jika sewa tapak pada warga asing: EXCO

**JOHOR BAHRU:** Kerajaan Johor akan mengambil tindakan membatalkan lesen peniaga tempatan yang dikesan menyewakan tapak bazar Ramadan atau Aidilfitri kepada warga asing.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor Datuk Mohd Jafni Md Shukor berkata, ia selaras dengan syarat ditetapkan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang juga perlu dipatuhi penganjur.

"Di peringkat kerajaan kita tidak mengeluarkan lesen bazar Ramadan dan Aidilfitri kepada warga asing, jika ada 'sewa atas sewa' (kepada warga asing), kita akan batalkan lesen tersebut dengan segera.

"Kalau di peringkat penganjur, sudah tentu mereka kena patuh garis panduan PBT dan pihak kesihatan juga akan buat pemantauan, jika tidak patuh (peraturan) tindakan akan dikenakan," katanya pada sidang media di sini kelmarin.

Beliau berkata, sebanyak 12,757 petak jualan di 228 lokasi membabitkan 16 PBT di Johor disediakan bagi peniaga bazar Ramadan dan



**MENINJAU:** Mohd Jafni (tiga kiri) beramah mesra bersama peniaga di Bazar Ramadan Bandar Baru Udadekat Johor Bahru, semalam. Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Pembangunan Usahawan, Koperasi Johor Mohd Hairi Mad Shah (dua kiri). — Gambar Bernama

Aidilfitri pada tahun ini.

"Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding 2024 iaitu sebanyak 12,619 petak jualan di 222 lokasi. Ini bermakna tambahan 138 petak jualan dan 6 lokasi tapak," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Jafni berkata PBT akan sentiasa

berkerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) bagi pemeriksaan serta pensampelan makanan untuk memastikan ia disediakan atau dijual dengan selamat mengikut Akta Makanan 1983 dan peraturan-peraturan di bawahnya.

Beliau berkata, kerjasama

dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) pula bagi memastikan peniaga mempamerkan tanda harga makanan, minuman serta barangan yang dijual mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. — Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**

**BERITA ONLINE BERTARIKH 4 MAC 2025**

| TARIKH | TAJUK                                                                                | PAUTAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | MEDIA            |
|--------|--------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 4-Mar  | Warga asing tak dibenar berniaga di Bazar Ramadan, Aidilfitri                        | <a href="https://www.utusan.com.my/terkini/2025/03/warga-asing-tak-dibenar-berniaga-di-bazar-ramadan-aidilfitri/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/terkini/2025/03/warga-asing-tak-dibenar-berniaga-di-bazar-ramadan-aidilfitri/#google_vignette</a>                                             | UTUSAN MALAYSIA  |
| 4-Mar  | Batal lesen jika 'sewa atas sewa' kepada warga asing - EXCO                          | <a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1192740/batal-lesen-jika-sewa-atas-sewa-kepada-warga-asing-">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1192740/batal-lesen-jika-sewa-atas-sewa-kepada-warga-asing-</a>                                                                       | HARIAN METRO     |
| 4-Mar  | Johor Ambil Tindakan Batal Lesen Jika Sewa Tapak Pada Warga Asing - Exco             | <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2398280">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2398280</a>                                                                                                                                                                                         | BERNAMA          |
| 4-Mar  | Ops to ensure fair business for Ramadan                                              | <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/03/ops-to-ensure-fair-business-for-">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/03/03/ops-to-ensure-fair-business-for-</a>                                                                                                                       | THE STAR         |
| 4-Mar  | Ops Pantau 2025 launched to ensure traders' compliance during Ramadan and Aidilfitri | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/03/ops-pantau-2025-launched-to-ensure-traders-compliance-during-ramadan-and-aidilfitri/168477">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/03/ops-pantau-2025-launched-to-ensure-traders-compliance-during-ramadan-and-aidilfitri/168477</a> | MALAYMAIL        |
| 4-Mar  | Ops Pantau 2025: KPDN tingkat keberadaan penguat kuasa di lokasi tumpuan             | <a href="https://www.suarakeadilan.my/post/ops-pantau-2025-kpdn-tingkat-keberadaan-penguat-kuasa-di-lokasi-">https://www.suarakeadilan.my/post/ops-pantau-2025-kpdn-tingkat-keberadaan-penguat-kuasa-di-lokasi-</a>                                                                                       | SUARA KEADILAN   |
| 4-Mar  | Reducing living costs this Ramadan                                                   | <a href="https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2025/03/03/reducing-living-costs-this-">https://www.thestar.com.my/metro/metro-news/2025/03/03/reducing-living-costs-this-</a>                                                                                                                       | THE STAR         |
| 4-Mar  | KPDN bakal perkenal aplikasi bendung ketirisan, seludup minyak masak bersubsidi      | <a href="https://malaysia-tribune.news/2025/03/03/kpdn-bakal-perkenal-aplikasi-bendung-ketirisan-seludup-minyak-masak-bersubsidi/#google_vignette">https://malaysia-tribune.news/2025/03/03/kpdn-bakal-perkenal-aplikasi-bendung-ketirisan-seludup-minyak-masak-bersubsidi/#google_vignette</a>           | MALAYSIA TRIBUNE |

|       |                                                                                            |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |                  |
|-------|--------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 4-Mar | Dewan Rakyat lulus RUU Perbekalan Tambahan (2024) 2025                                     | <a href="https://malaysiagazette.com/2025/03/03/dewan-rakyat-lulus-ruu-perbekalan-">https://malaysiagazette.com/2025/03/03/dewan-rakyat-lulus-ruu-perbekalan-</a>                                                                                                                                                     | MALAYSIA GAZETTE |
| 4-Mar | Dewan Rakyat passes Supplementary Supply Bill for additional RM20.19 b in 2024 expenditure | <a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/03/dewan-rakyat-passes-supplementary-supply-bill-for-additional-rm2019-b-in-2024-expenditure/168543">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/03/03/dewan-rakyat-passes-supplementary-supply-bill-for-additional-rm2019-b-in-2024-expenditure/168543</a> | MALAYMAIL        |
| 4-Mar | Dewan Rakyat lulus RUU Perbekalan Tambahan (2024) 2025                                     | <a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2398508">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2398508</a>                                                                                                                                                                                           | BERNAMA          |
| 4-Mar | Dewan Rakyat lulus RUU Perbekalan Tambahan (2024) 2025                                     | <a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1192924/dewan-rakyat-lulus-ruu-perbekalan-tambahan-2024">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/03/1192924/dewan-rakyat-lulus-ruu-perbekalan-tambahan-2024</a>                                                                                           | HARIAN METRO     |
| 4-Mar | KPDN laksana Ops Pantau sempena Ramadan, Aidilfitri                                        | <a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/awani-ringkas-kpdn-laksana-ops-pantau-sempena-ramadan-aidilfitri-x9fge0c">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/awani-ringkas-kpdn-laksana-ops-pantau-sempena-ramadan-aidilfitri-x9fge0c</a>                                         | ASTRO AWANI      |
| 4-Mar | Batal lesen jika 'sewa atas sewa' kepada warga asing                                       | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/715639/edisi/johor/batal-lesen-jika-sewa-atas-sewa-kepada-warga-asing">https://www.sinarharian.com.my/article/715639/edisi/johor/batal-lesen-jika-sewa-atas-sewa-kepada-warga-asing</a>                                                                               | SINAR HARIAN     |